

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)

Tuan Ahmad Baihaki Atiqullah [Lenggong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan dengan terperinci senarai barang-barang yang telah turun harganya selepas pelaksanaan cukai GST, sebagaimana yang diberitahu sebelum ini bahawa ada 16%-26% jenis barang yang telah mengalami penurunan harga.

143

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua

Peningkatan atau penurunan harga barangan adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kadar tukaran wang, kekangan pengeluaran seperti upah buruh, faktor cuaca, kos bahan bakar dan tidak semestinya disebabkan oleh pelaksanaan cukai GST.

Berdasarkan data harga yang dipantau oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), peratus barangan yang mengalami penurunan harga ialah di antara **16 hingga 26 peratus** daripada **1,396 barangan** bagi tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan GST.

Melalui semakan data harga tersebut, di antara kategori barangan yang mengalami penurunan adalah barangan runcit, makanan dan minuman (minuman dalam tin) serta barangan kecantikan dan kesihatan (sabun dan gel mandian).